

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2015

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) kesan pengenalan GST terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan perkembangan ekonomi negara selepas hampir 2 bulan dilaksanakan; dan

(b) adakah Kementerian meletakkan penanda aras (KPI) dari segi tempoh pelaksanaan dan pencapaian bagi melihat keberkesanan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, masih terlalu awal untuk menilai kesan pengenalan Cukai barangan dan perkhidmatan (GST) terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) selepas 2 bulan dilaksanakan memandangkan angka KDNK bagi tempoh suku kedua 2015 hanya akan diketahui dalam pertengahan bulan Ogos 2015. Sungguhpun demikian, pelaksanaan GST yang berjalan lancar mulai 1 April 2015 dijangka tidak menjejaskan momentum kecergasan pertumbuhan ekonomi negara. Prospek ekonomi Malaysia bagi keseluruhan tahun 2015 dijangka kekal kukuh disokong terutamanya oleh perkembangan permintaan domestik yang mapan serta sektor eksport yang berdaya tahan. Permintaan domestik akan terus diteraju oleh perbelanjaan sektor swasta sementara sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Dengan perkembangan ekonomi yang menggalakkan sebanyak 5.6% dalam tempoh suku pertama 2015, Kerajaan yakin ekonomi negara mencapai sasaran antara 4.5% hingga 5.5% bagi keseluruhan tahun 2015 dengan defisit fiskal sebanyak 3.2 peratus daripada KDNK.

2. Selain itu, kedudukan kewangan Kerajaan akan lebih kukuh

dengan pelaksanaan GST ini. Kerajaan mengunjurkan kutipan kasar daripada GST bagi tahun ini adalah sebanyak RM22.7 bilion termasuk anggaran tambahan RM1 bilion hasil daripada peningkatan jumlah syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Daripada jumlah ini, unjuran kutipan bersih adalah sebanyak RM1.7 bilion. Pelaksanaan GST ini turut menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem percukaian sedia ada, selain peluasan asas cukai agar tidak terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada petroleum yang bersifat berkurangan (*depleting*). Hasil kutipan GST ini akan disalurkan semula bagi tujuan pembangunan yang akan memberi manfaat kepada rakyat

Tuan Yang di-Pertua,

3. Walaupun pelaksanaan GST akan menyebabkan harga yang lebih tinggi untuk beberapa barangan dan perkhidmatan, kesannya ke atas inflasi keseluruhan dijangka terkawal dan tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan April hanya meningkat sederhana kepada 1.8% walaupun selepas

pelaksanaan GST berbanding 0.8% bagi bulan sebelumnya. Kadar inflasi yang meningkat sebanyak 1 mata peratusan ini masih lagi terkawal dan tidak semua barangan dalam bakul IHP menunjukkan peningkatan yang ketara. Penyumbang utama kepada peningkatan IHP adalah daripada kumpulan Makanan dan minuman bukan alkohol; Minuman alkohol dan tembakau; dan Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Manakala, kumpulan Pengangkutan masih mencatatkan kadar yang rendah. Trend peningkatan inflasi tersebut bersifat sementara dan akan berkurangan selepas beberapa bulan pelaksanaan GST. Kadar inflasi diunjurkan terkawal antara 2% hingga 3% bagi tahun 2015.

4. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian bahawa kos sara hidup yang semakin meningkat merupakan kebimbangan utama rakyat terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan telah meluaskan skop barangan keperluan yang dikecualikan GST dan juga bekalan berkadar sifar dalam usaha untuk mengawal peningkatan harga barangan yang mendadak. Selain itu, penambahan pemberian bantuan tunai (BR1M) sebanyak RM300 kepada isirumah dan RM50 kepada individu bujang serta bantuan tunai lain juga dapat mengimbangi kesan kenaikan

harga kepada perbelanjaan pengguna. Pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 juga dijangka dapat mengurangkan kenaikan harga barang yang mendadak.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pendekatan terbaik pada masa sekarang berhubung pemantauan pelaksanaan GST adalah penumpuan kepada khidmat nasihat atau *advisory*. Pendekatan yang sama juga difahamkan telah diambil oleh banyak negara yang telah melaksanakan GST di mana penyesuaian mengambil masa di antara tempoh enam bulan hingga setahun.

6. JKDM akan terus melaksanakan operasi pematuhan dan pendidikan yang berterusan termasuklah untuk membetulkan sebarang kesalahan yang dilakukan oleh peniaga. Ini dapat memastikan peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 17 JUN 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

SOALAN :-

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk melindungi pembeli dari projek perumahan terbengkalai setelah membatalkan cadangan pelaksanaan polisi Bina dan Jual/Build and Sell.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak pernah mengeluarkan kenyataan mengenai pembatalan polisi Bina Kemudian Jual (BKJ) dan hanya menangguhkan pelaksanaannya sahaja sehingga masa yang bersesuaian.

Kerajaan dalam langkah untuk melindungi pembeli rumah telah menguatkuasakan pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) mulai 1 Jun 2015.

Lanjutan daripada penguatkuasaan pindaan akta ini, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) dan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) (Pindaan) 2015 akan dipinda melalui kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Pemajuan

Perumahan [Kawalan dan Pelesenan] 1966 [Akta118], dan melibatkan pindaan-pindaan utama seperti berikut:-

1. Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989

(a) Di bawah Peraturan 4, sesuatu permohonan pembaharuan lesen pemaju perumahan hendaklah dibuat tidak lewat daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh habis tempoh dan hendaklah dibuat oleh pemaju perumahan berlesen sehingga perakuan siap dan pematuhan diberikan atau diluluskan;

(b) Di bawah Peraturan 8, subperaturan 1A dimasukkan iaitu apa-apa iklan yang dibuat oleh mana-mana pemaju perumahan berlesen tidak boleh mengandungi:-

(i) tawaran fi guaman percuma;

- (ii) pulangan keuntungan dan pendapatan sewaan yang diunjurkan;
 - (iii) dakwaan berkenaan pemandangan panorama;
 - (iv) tempoh perjalanan dari projek perumahan ke destinasi terkenal; atau
 - (v) apa-apa butiran yang seseorang pemaju perumahan tidak boleh buktikan secara sah.
- (c) Pindaan kepada Jadual H dan J di mana peraturan 27 : Cara Penyerahan Milikan Kosong dan Peraturan 28 : Hakmilik Strata Belum Dikeluarkan dan Pemindahan Hakmilik menetapkan bahawa penyerahan milikan kosong kepada pembeli perlu disertakan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan, Hak Milik Strata Berasingan termasuk penyiapan apa-apa perubahan atau kerja tambahan di bawah subfasal 15(2), jika ada.
- Pindaan peraturan ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2015.

2. Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) 1991

(a) Jumlah deposit yang perlu dibuat oleh pemaju berjumlah RM200,000 sebelum ini ditetapkan kepada suatu jumlah yang bersamaan dengan tiga peratus daripada anggaran kos pembinaan seperti yang diperakui oleh arkitek yang bertanggungjawab bagi pemajuan perumahan itu.

Pindaan Peraturan ini berkuatkuasa pada 2 Jun 2015.

3. Pindaan ini adalah untuk memastikan pemantauan dan pengawalan ke atas pemajuan perumahan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memantapkan lagi tindakan penguatkuasaan bagi mengurangkan masalah pemajuan projek perumahan swasta. Selain itu, isu berkaitan hak pembeli rumah di bawah perjanjian jual beli, peningkatan deposit lesen pemajuan perumahan termasuk pengeluaran hak milik strata semasa penyerahan hak milikan kosong bagi perumahan berstrata adalah selaras dengan pindaan Akta

Hakmilik Strata (Akta 318) turut diambil kira dalam pindaan Peraturan-Peraturan yang berkaitan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN : 36

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan langkah-langkah yang telah di ambil
bagi meningkatkan keselamatan pengangkutan udara.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan keselamatan pengangkutan udara, Kerajaan melalui Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sentiasa menjalankan audit ke atas pemegang Sijil Pengoperasian Udara (*Air Operating Certificate*) setiap tahun untuk tujuan pembaharuan sijil dan juga dari semasa ke semasa bagi memastikan syarikat penerbangan sentiasa mematuhi setiap peraturan dan perundangan yang telah termaktub.

DCA juga melaksanakan kawal selia yang dilaksanakan oleh inspektor operasi penerbangan (*flight operations inspector*) dengan menaiki pesawat-pesawat semasa ianya terbang ke destinasi tertentu yang telah dijadualkan tanpa pengetahuan juruterbang dan anak kapal berkenaan. Selain itu, DCA juga melaksanakan pemeriksaan di setiap stesen atau 'base' samada di dalam atau luar negara dimana syarikat-syarikat penerbangan beroperasi dan kapal terbang mereka mendarat. Ini semuanya dilakukan secara berkala dan sepanjang tahun.

Disamping itu, DCA juga melaksanakan proses pemeriksaan kesihatan setiap enam (6) atau dua belas (1)2 bulan bergantung kepada peringkat umur bagi memastikan juruterbang-juruterbang dan anak-anak kapal berada dalam keadaan fizikal yang memuaskan sebelum dibenarkan bertugas di udara. Juruterbang-juruterbang yang menerbangkan pesawat penumpang dan kargo juga perlu melalui ujian kecekapan setiap enam (6) bulan bagi

memastikan mereka cekap dan efisien dalam menjalankan tugas mereka setiap masa.

Kesemua ini dilakukan berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh badan penerbangan antarabangsa *International Civil Aviation Organization* (ICAO) dan juga Akta Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam Malaysia 1996.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga sentiasa menaiktaraf dan menambahbaik sistem radar secara holistik di tiga (3) buah Pusat Kawalan Trafik Udara utama iaitu di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching dalam memantau pesawat-pesawat yang beroperasi di ruang udara Malaysia. Peningkatan sistem radar ini juga merupakan keperluan utama bagi memastikan kesinambungan pengendalian kawalan trafik udara yang selamat dan cekap seiring dengan peningkatan pergerakan pesawat serta permintaan industri penerbangan awam negara.